PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI SELANGOR

KERTAS CADANGAN

PENYERTAAN JAMBORI MALAYSIA KE-15

KONTINJEN SELANGOR

TAHUN 2026

TARIKH

29 OGOS 2026 - 4 SEPTEMBER 2026

ANJURAN

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA

JABATAN (JIKA ADA)

KERTAS CADANGAN PENYERTAAN JAMBORI PENGAKAP MALAYSIA KE-15 (PULAU PINANG) BAGI KONTINJEN NEGERI SELANGOR

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada pihak pengurusan, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Negeri Selangor untuk Penyertaan Jambori Pengakap Malaysia Ke-15 (Pulau Pinang) bagi Kontinjen Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jambori Pengakap Malaysia merupakan perkhemahan terbesar peringkat kebangsaan yang menghimpunkan ahli pengakap dari seluruh pelusok tanah air serta wakil antarabangsa. Penganjuran edisi ke-15 ini di Negeri Pulau Pinang menjadi wadah penting untuk memperkukuh semangat persaudaraan, perpaduan, dan kerjasama antara generasi muda melalui pengalaman perkhemahan berasaskan alam sekitar, kepimpinan dan khidmat masyarakat. Jambori Malaysia Pertama telah diadakan di Teluk Bahang, Pulau Pinang pada tahun 1966, kini setelah 60 tahun Pulau Pinang sekali lagi dipilih sebagai tuan rumah.

2.2 Jambori ini bertujuan menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik, mencabar, selamat dan menyeronokkan dengan berteraskan pendekatan pendidikan luar bilik darjah. Ia memberi ruang kepada peserta untuk mempertingkatkan potensi individu dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial (JERIS) mereka.

2.3 Jambori ini juga dirancang untuk meningkatkan perkembangan individu, kerjasama berpasukan, dan pemahaman mengenai prinsip berpengakap melalui aktiviti dan budaya. Ianya juga menyediakan pembelajaran bagi membina watak, persahabatan, kemahiran untuk kehidupan, membentuk masa depan orang muda yang aktif dan warganegara yang berguna.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Mempromosikan Pendidikan kepengakapan selari dengan visi dan misi Pengakap, prinsip asas pengakap dan juga kaedah berpengakap, dan sejajar dengan keperluan dan aspirasi muda remaja.

3.2 Memberi peluang kepada ahli pengakap untuk mengambil bahagian dalam aktiviti dalam dan luar yang mencabar dimana aktiviti ini kearah menghasilkan gaya hidup yang aktif dan sihat, serta menghargai alam dan persekitarannya.

4.0 TEMA

"Menjejak Warisan, Membina Masa Depan"
Tracing the Legacy, Shaping the Future

5.0 MAKLUMAT PENGANJURAN

Tarikh : 29 Ogos – 4 September 2026
Hari : Sabtu hingga Jumaat
Lokasi : Batu Kawan, Bandar Cassia
Pulau Pinang
Penganjur : Persekutuan Pengakap Malaysia
Pengelola : Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang
Bertolak Pergi : 28 Ogos 2026 (Jumaat), 8.00 malam
Bertolak Pulang : 4 September 2026 (Jumaat), 8.00 pagi

6.0 SASARAN PENYERTAAN

6.1 Peserta : Pengakap Muda dan Pengakap Remaja
6.2 Yuran : RM450.00
6.3 Pecahan Yuran :

PERKARA	JUMLAH
a) Yuran Penyertaan - Makanan, Fasiliti, Tapak Perkhemahan, Kit (T-Shirt, Bag, Lanyard, Jamboree Passport, Sijil) & Insurans	RM250.00
b) Pengangkutan (Pergi – Balik)	RM100.00
c) Makanan dan Kit Kontinjen	RM50.00
d) Pengurusan Kontinjen	RM50.00
JUMLAH	**RM450.00**

7.0 MAKLUMAT PEMBAYARAN

Nama Akaun : Majlis Pangakap Negeri Selango
Nama Bank : Maybank
No. Akaun Bank : 014020416589
Pegawai Meja : Encik Muhd Mustaffa Kamal bin A.Bidin
Bendahari Majlis Pengakap Negeri Selangor
Tarikh Tutup : 1 Mei 2026 (Jumaat)

8.0 SASARAN BILANGAN PENYERTAAN

BIL.	PERKARA	MURID	PEMIMPIN	JUMLAH
1	Jawatankuasa Induk & Pelaksana		20	**20**
2	Petugas (Kelana)	10		**10**
3	Daerah Gombak	35	5	**40**
4	Daerah Hulu Langat	35	5	**40**
5	Daerah Hulu Selangor	12	2	**14**
6	Daerah Kajang	35	5	**40**
7	Daerah Klang	35	5	**40**
8	Daerah Kuala Langat	12	1	**13**
9	Daerah Kuala Selangor	12	1	**13**
10	Daerah Petaling Perdana	35	5	**40**
11	Daerah Petaling Utama	35	5	**40**
12	Daerah Putrajaya	35	5	**40**
13	Daerah Sabak Bernam	12	1	**13**
14	Daerah Sepang	35	5	**40**
15	Daerah Sungai Besar	12	2	**14**
16	Daerah Tanjung Karang	12	1	**13**
	JUMLAH	**362**	**68**	**430**

Kriteria Umum Penyertaan;

Pengakap Muda & Pengakap Remaja	:	• Mendaftar keahlian PPM tahun 2026. • Umur 13 – 17 tahun. • Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. (Tarikh lahir di antara 28 Ogos 2008 – 27 Ogos 2013.) • Mendapat kebenaran ibu bapa / penjaga dan pihak sekolah. • Sihat tubuh badan. • Pengakap Muda: Lulus Lencana Usaha • Pengakap Remaja: Lulus Salah Satu Daripada Lencana-Lencana Tertinggi
Pemimpin Pengakap	:	• Mendaftar keahlian PPM tahun 2026. • Umur 18 dan ke-atas. (Tarikh lahir selepas 29 Ogos 2008). • Mendapat kebenaran majikan / pihak sekolah. • Sihat tubuh badan.

		• Telah dilatih Kursus Dalam Talian *"Safe from Harm (SfH 1 – Essential Training)" dan "Safe from Harm at Jamboree"* • Pemegang dua butir bagi satu unit manikayu atau telah menghadiri Kursus Kepimpinan Manikayu Peringkat 3(1) & 3(2).

9.0 JAWATANKUASA INDUK

Penasihat	:	**YBhg. Dato' Mohd Imran bin Tamrin** Pengerusi Majlis Pengakap Negeri Selangor
Pengerusi	:	**Tuan Haji Iszamli bin Jailani** Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
Timbalan Pengerusi	:	**Puan Hajah Sidah binti Sedek** Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
Naib Pengerusi 1	:	**Encik Muhammad Hilmi Hazwan bin Abdul Aziz** Pesuruhjaya Program Negeri
Naib Pengerusi 2	:	**Encik Mohd Fadzil bin Mohd Yusop** Pesuruhjaya Latihan Negeri
Setiausaha	:	**Encik Mohd Safuan Bin Mohd Yusof** Setiausaha Majlis Pesuruhjaya Negeri Selangor
Naib Setiausaha 1	:	**Encik Mazzaid bin Mazelan** Setiausaha Majlis Pengakap Negeri Selangor
Naib Setiausaha 2	:	**Encik Mohd Syah Ryzan Bin Abdullah** Setiausaha Program Pengakap Negeri Selangor
Bendahari	:	**Encik Muhd Mustaffa Kamal bin A.Bidin** Bendahari Majlis Pengakap Negeri Selangor

10.0 JAWATANKUASA PELAKSANA

Penasihat	:	**Tuan Haji Iszamli bin Jailani** Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
Penasihat Bersama	:	**Puan Hajah Sidah binti Sedek** Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
Pengerusi	:	**Encik Muhammad Hilmi Hazwan bin Abdul Aziz** Pesuruhjaya Program Negeri
Naib Pengerusi 1	:	**Encik Mohd Fadzil bin Mohd Yusop** Pesuruhjaya Latihan Negeri
Naib Pengerusi 2	:	**Encik Mohd Syah Ryzan Bin Abdullah** Setiausaha Program Negeri

Penyelaras Program	:	**Encik Mazzaid bin Mazelan** Setiausaha Majlis Pengakap Negeri Selangor
Penolong Penyelaras Program	:	**Encik Muhd Mustaffa Kamal bin A.Bidin** Bendahari Majlis Pengakap Negeri Selangor
Jawatankuasa Pengurusan Peserta & Kesetiausahaan	:	**Encik Mohd Syah Ryzan bin Abdullah (K)** Setiausaha Program Negeri **AJK:** **1) Puan Nor Hasmida binti Abdul Jalil** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri • Pendaftaran peserta. • Taklimat ibu bapa dan murid. • Rekod kehadiran dan Kebajikan. • Hebahan maklumat kepada JPN / ibu bapa. • Surat-menyurat rasmi. • Urusan sijil penyertaan.
Jawatankuasa Kewangan & Penajaan	:	**Encik Muhd Mustaffa Kamal bin A.Bidin (K)** Bendahari Majlis Pengakap Negeri Selangor **AJK:** • Kutipan yuran. • Rekod perbelanjaan. • Laporan kewangan. • Urusan sumbangan / penajaan
Jawatankuasa Pengangkutan, Penginapan & Logistik	:	**Encik Mahendran A/L Sahadeven (K)** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri **AJK:** **1) Encik Mohd Shah Rizam bin Malek** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri **2) Encik Mohd Hairol bin Rabu** Penolong Pesuruhjaya Daerah Kajang • Urusan bas dan kenderaan. Jadual perjalanan pergi dan balik.

		• Pengurusan peralatan khemah, kelengkapan masakan dan elektrikal. • Inventori peralatan.
Jawatankuasa Makanan & Minuman	:	**Encik Mohammad Hafizzudin bin Misry (K)** Penolong Pesuruhjaya Daerah Sungai Besar **AJK:** **1) Puan Hajah Norsam binti Sarmon** Pemimpin PPM Daerah Tanjung Karang • Penyediaan sajian. • Penyediaan jadual makan. • Pemantauan kebersihan makanan. • Keperluan diet khas (jika ada).
Jawatankuasa Penginapan & Tapak Perkhemahan	:	**Encik Mohd Haslam bin Hussein (K)** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri **AJK:** **1) Encik Hairul Azhar bin Said** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri • Pengurusan khemah dan zon peserta. • Susun atur Kawasan. • Keselamatan tapak perkhemahan. • Penyediaan pintu gerbang.
Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan & Disiplin	:	**Encik Mohd Khairie bin Solehan (K)** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri **AJK: *TBC*** • First Aid dan ubatan asas. • Rekod kesihatan peserta. • Prosedur kecemasan. • Hubungan dengan klinik / hospital. • Kawalan disiplin dan jadual harian murid. • Hal ehwal kerohanian dan keagamaan.

Jawatankuasa Aktiviti & Pertandingan	:	**Puan Norhidayati binti Derman (K)** Pesuruhjaya Daerah Hulu Langat **AJK:** **1) Puan Zahrulhuda binti Dato' Kamaruddin** Penolong Pesuruhjaya Daerah Sepang **2) Encik Mohd Nor bin Mohd Nasir** Pemimpin PPMD Putrajaya **3) Encik Nazrul Ramizan bin A.Jamal** Penolong Pesuruhjaya Daerah Sepang • Menyelaras aktiviti jambori. • Menyelaras aktiviti pertandingan. • Penyediaan bajet untuk keperluan aktiviti & pertandingan. • Menyusun jadual pemimpin pengiring bagi setiap aktiviti.
Jawatankuasa Komunikasi, Dokumentasi & Laporan	:	**Encik Mohd Safuan bin Mohd Yusuf (K)** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Kanan) **AJK:** **1) Encik Mohd Irwan Shah bin Ahmad** Pemimpin PPM Daerah Gombak • Gambar dan video sepanjang Jambori. • Buletin Jambori. • Laporan program. • Bahan dokumentasi negeri.
Penyelaras Kontinjen Daerah	:	Daerah Gombak • **Encik Jefri Zain bin Supangat** Penolong Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 019-6583364 Daerah Hulu Langat • **Puan Nurul Azlinmazlina binti Muhni** Penolong Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 019-2289459

Daerah Hulu Selangor

- **Encik Hassanal Zairi bin Hassan Basri**
  Penolong Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 012-6526121

Daerah Kajang

- **Puan Salina binti Sepiaail**
  Penolong Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 019-2339029

Daerah Klang

- **Puan Noraizah binti Zakaria**
  Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 013-3849783

Daerah Kuala Langat

- **Encik Mohd Mushafiq bin Samsuddin**
  Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 017-3878081

Daerah Kuala Selangor

- **Encik Nizamuddin bin Hj Abdul Majid**
  Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 012-6102937

Daerah Petaling Perdana

- **Encik Mohamad Sazali bin Salam**
  Penolong Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 011-23910590

Daerah Petaling Utama

- **Encik Khairul Rizal bin Hashim**
  Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 016-2827260

Daerah Putrajaya

- **Encik Mohd Safuan bin Mohd Yusuf**
  Penolong Pesuruhjaya Daerah
  No. Telefon: 010-9314820

		Daerah Sabak Bernam • **Encik Kamal bin Mamat** Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 019-3586898 Daerah Sepang • **Puan Zamzarina binti Khalid** Penolong Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 011-12695200 Daerah Sungai Besar • **Tuan Haji Mohd Hussairy bin Sidek** Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 019-2585759 Daerah Tanjung Karang • **Encik Ahmad Ashmirul bin Sebi** Penolong Pesuruhjaya Daerah No. Telefon: 014-5785736

11.0 TENTATIF PROGRAM

Sila rujuk maklumat berikut:

	Sabtu (29/8)	**Ahad (30/8)**	**Isnin (31/1)**	**Selasa (1/9)**	**Rabu (2/9)**	**Khamis (3/9)**	**Jumaat (4/9)**
Highlight	Pendaftaran Perasmian	Aktiviti	Aktiviti	Cultural Day	Aktiviti	Penutupan	Bertolak Kembali
Subuh	Pendaftaran, Persediaan Tapak	Aktiviti Kontinjen (Bangun, Sarapan, Solat, Istiadat Pagi) Persediaan / Persiapan Program					Menurunkan Khemah & Bertolak Pulang
Pagi	Pendaftaran, Persediaan Tapak, Taklimat Kontinjen	Aktiviti Jambori *Merdeka Hike	Aktiviti Jambori	Aktiviti Jambori	Aktiviti Jambori	Aktiviti Jambori	
Tengahari	Rehat, Makan, & Solat						Post Jamboree Event
Petang	Persediaan Tapak Aktiviti Jambori	Aktiviti Jambori ATAS / PPRM Gathering	Aktiviti Jambori Rovers Gathering	Aktiviti Jambori	Aktiviti Jambori INDABA	Aktiviti Jambori Gilwell Reunion	
Senja	Rehat, Makan, & Solat						
Malam	Rovers Gathering / APES Gathering	Majlis Perasmian	Ceramah Perdana	International Night	International Night	Majlis Penutupan	
Lewat Malam	Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Kontinjen dan Mesyuarat Sub-Kem Selamat Malam						

12.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Sila rujuk **LAMPIRAN A**

13.0 PENUTUP

13.1 Jambori ini diharapkan akan menjadi platform kemenjadian ahli-ahli pengakap untuk meningkatkan kemahiran dalam aktiviti kepengakapan. Perlaksanaan jambori ini juga diharapkan mampu membentuk akhlak, sahsiah, ketrampilan, peribadi dan perwatakan ahli ahli pengakap yang selaras dengan konsep Malaysia Madani. Diharapkan program ini dapat mencapai objektif dan hala tuju yang disasarkan dan mudah-mudahan segala perancangan yang telah diatur mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Insya-Allah.

14.0 PENGESAHAN

Disediakan oleh,	Disemak oleh,
ENCIK MAZZAID BIN MAZELAN Ketua Kontinjen Selangor Jambori Malaysia Ke-15 Tarikh: 06/02/2026	**ENCIK MUHAMMAD HILMI HAZWAN BIN ABDUL AZIZ** Pesuruhjaya Program Negeri Selangor Tarikh: 07/02/2026
Disahkan oleh,	
TN. HJ. ISZAMLI BIN JAILANI, PJK Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor Tarikh: 07/02/2026	

LAMPIRAN A

IMPLIKASI KEWANGAN

SUMBER KEWANGAN		
1) Yuran JK Induk & Pelaksana	RM350.00 x 20 orang	7,000.00
2) Yuran Petugas Kelana	RM350.00 x 10 orang	3,500.00
3) Yuran Peserta Murid	RM450.00 x 352 orang	158,400.00
4) Yuran Pemimpin	RM450.00 x 48 orang	21,600.00
5) Majlis Pengakap Negeri Selangor (MPNS)		2,000.00
6) Sumbangan Luar		20,450.00
	JUMLAH (RM):	**212,500.00**

PERBELANJAAN

Butiran Perbelanjaan	**Deskripsi**	**Kuantiti**	**Harga Seunit**	**Jumlah (RM)**
Yuran Penyertaan	JK Induk & Pelaksana	20	250.00	5,000.00
	Petugas Kelana	10	250.00	2,500.00
	Peserta Murid	352	250.00	88,000.00
	Pemimpin	48	250.00	12,000.00
Pengangkutan Bas	Pergi – Balik (Hari Yang Berbeza)	10	4,000.00	40,000.00
Pengangkutan Lori (Lalamove)	Pergi – Balik (Hari Yang Berbeza)	1	3000.00	3,000.00
Sewaan Kenderaan	Van	2	1,500.00	3,000.00
Pengangkutan (Kenderaan MPNS)	Minyak & Tol	1	1500.00	1,500.00
Kit Kontinjen	Baju T-Shirt, Lencana DLL	430	50.00	12,900.00
Makanan	Jamuan Tambahan	430	50.00	8,600.00

Butiran Perbelanjaan	Deskripsi	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah (RM)
Aktiviti & Pertandingan	Hiasan, Peralatan, Sewaan Peralatan DLL	1	3,000.00	3,000.00
Pintu Gerbang	Buluh, Tali, Sarung Tangan DLL	1	2,000.00	2,000.00
Jamuan	Hari Terbuka Selangor	1	5,000.00	5,000.00
Cenderamata Kontinjen	Plak, Lencana & Woven Bag	150	50.00	7,500.00
Cenderamata VIP	Pewter, Lencana & Woven Bag	5	500.00	2,500.00
Sewaan Kanopi	Subkem	4	800.00	3,200.00
Publisiti	Banner & Bunting	1	1,000.00	1,000.00
Kesihatan & Kebajikan	Ubat-ubatan, Kos Rawatan	1	3,000.00	3,000.00
Sewaan Homestay	1 hari: RM400.00 7 hari: RM2,800.00	2	2,800.00	5,600.00
Insurans	Perjalanan Pergi – Balik	430	5.00	2,150.00
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (RM):				**212,500.00**

-: TAMAT :-